

BH (✓) HM () NST () STAR () UM ()

TARIKH : 8 DEC 2022 MUKASURAT: 9.

BH Khamis, 8 Disember 2022

Nasional

9

Pelan asingkan kuasa Peguam Negara, Pendakwa Raya dirangka

Langkah pindaan kembalikan keyakinan rakyat terhadap institusi kehakiman

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Peguam Negara (AGC) akan menyediakan satu kertas pelan pengubahsuaian mengenai pengasingan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

Menteri Undang-Undang dan Reformasi Institusi, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata ini susulan daripada pertemuan dan perbincangan dengan AGC, yang diketuai oleh Peguam Cara Negara, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh, kelmarin.

"Ini antara langkah pertama

ke arah pengasingan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Kita berharap kerjasama baik ini akan membuahkan hasil," katanya dalam satu hantaran di laman sosialnya, di sini, semalam.

Semak undang-undang lapuk

Laporan sebelum ini menyatakan, Azalina menegaskan untuk menyemak semula undang-undang yang sudah lapuk serta membuat pindaan yang diperlukan supaya ia relevan pada masa kini.

Antara yang akan diusahakan ialah pengasingan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya untuk memelihara kebebasan budi bicara Pendakwa Raya.

Langkah sedemikian penting bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap institusi itu.

Ini susulan kontroversi buku bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas bertajuk *My Story: Justice in the Wilderness*, yang mempersoalkan tahap daya saing dan kebolehpercayaan pegawai undang-undang di AGC.



Azalina mempengerusikan mesyuarat pada pertemuan dan perbincangan dengan AGC, kelmarin.

(Foto Twitter Azalina Othman Said) +